

**Khairul Anuar bin Mohamad\***  
**Mushaddad Bin Hasbullah\*\***

## **STATUS AL-QURAN DIGITAL DARI PERSPEKTIF FIQH**

### **Abstract**

The working paper entitles “The status of Quranic Digital from Fiqh Perspective”. There is no doubt that in recent years, IT has been widely used in all aspect especially in our daily life. Our religion also accepts IT as one of the way to preach and it also has been widely used in Islamic world .One of the proof was the invention of Quranic Digital. Islamic technocrats have invented the Digital Quran for Muslim to make good use of it but also to help us to draw closer to Allah. The objective of this paper is to identify and explain about the fiqh problems between Digital Quran and the physical Quran such as Mushaf. This explanation hopefully can help Muslims to have confidence when using the Quranic Digital especially in the mainstream. A research has been conducted to study about the fiqh’s problem in Quranic Digital and the author found out that the Quranic Digital can be touch even without wudhu’ or during period (Haidh) because of it was not physically written like Mushaf and the words was stored in the device with other equipment.

---

\* Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

## Pendahuluan

Perkembangan teknologi pada era mutakhir ini begitu pesat. Jika dulu semua urusan dilakukan secara manual namun pada masa kini keadaan telah berubah. Mereka lebih mengutamakan penggunaan teknologi dalam semua perkara. Justeru kita pernah dengar pengurusan sesuatu organisasi yang besar tidak menggunakan dokumen manual tetapi mereka telah menggunakan teknologi masa kini iaitu dengan mengurus semua dokumen dan data melalui komputer.

Arus teknologi yang berlaku ketika ini begitu cepat dan ia bersifat globalisasi dalam ertikata yang lain merentasi sempadan geografi. Sesuatu yang berlaku di mana-mana kawasan dunia ini dengan mudah dapat diketahui dalam tempoh yang singkat. Realiti hakikat penggunaan teknologi ini telah diterima dengan baik samada dunia barat atau dunia Islam. Walaupun pada mula ia diperkenalkan ada kedengaran segelintir umat Islam yang tidak bersetuju dengan teknologi ini tetapi setelah ia menampakan kemudahan dan dapat memenuhi keperluan manusia, maka ia diterima dengan begitu menggalak sekali di seluruh dunia Islam.

Jika dunia barat mempunyai cerdik pandai yang ramai dan mereka mencipta sesuatu kemudahan berasaskan teknologi untuk masyarakat mereka dalam urusan seharian, tidak kurang pula dengan dunia Islam pada hari ini yang mula memberi perhatian dalam kemudahan teknologi. Terbaru mereka telah mencipta al-Quran digital yang boleh dibawa kemana-mana dan dapat membaca serta memperdengarkan bacaan dari qari-qari yang masyhur seperti al-Sudais, al-Huzaifi, al-Syuraim dan lain-lain.

Umat Islam wajib menghormati al-Quran dan tulisannya. Terdapat dalam satu hadith yang bermaksud *tidak disentuhnya (al-Quran) melainkan dalam keadaan bersih (berwudhu)* (Al-DarQutni). Kehormatan al-Quran begitu tinggi sehinggalah menyentuhnya hendaklah dalam keadaan berwudhu' sebagaimana hadith tersebut. Tetapi dalam soal al-Quran digital bagaimanakah hukumnya? Adakah aplikasi hukumnya sama

dengan mushaf al-Quran? Kertas kerja ini akan cuba mengupas hukum-hukum al-Fiqh al-Islamiy.

### Penulisan al-Quran

Al-Quran al-Karim ditulis dengan sepenuhnya pada zaman Rasulullah (SAW). Penulisan pada zaman Rasulullah ini meliputi tiga puluh juzuk namun ia tidak dikumpul dalam satu mushaf seperti al-Quran pada hari ini. Kedudukan surah-surah pada ketika itu tidak tersusun begitu juga urutan ayat-ayatnya. Bukti jelas yang menunjukkan bahawa al-Quran ditulis sepenuhnya pada zaman Rasulullah (SAW) ialah setiap kali wahyu diturunkan Rasulullah akan memanggil penulis wahyu supaya mereka mencatat wahyu tersebut. Dan selepas ia selesai disalin Rasulullah (SAW) mengarahkan penulis wahyu membaca ayat-ayat yang ditulis di hadapan baginda dengan bertujuan untuk menyemak kesahihan dan ketepatannya. Apabila ia tepat barulah disampaikan kepada para sahabat yang lain (al-Qataan: 2007).

Peristiwa pengislaman Umar ibn Khattab r.a menjadi hujjah bahawa al-Quran ditulis bermula di Mekkah iaitu sebelum berhijrah ke Madinah lagi. Apa yang menarik dalam peristiwa tersebut ialah apabila Umar r.a. hendak memegang dan melihat potongan ayat al-Quran iaitu surah Taha, adiknya Fatimah r.a berkata *“Sesungguhnya kamu najis dan al-Quran tidak boleh disentuh kecuali orang-orang yang suci (berwudhu’) pergilah kamu mandi, kemudian selepas mensucikan dirinya beliau memegang dan membaca permulaan surah Taha hingga kepada*

*ayat* ” وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي . (Al-Mubarakfuri : TT)

Pengumpulan al-Quran yang pertama berlaku pada zaman Abu Bakr al-Siddiq r.a. dengan sebab ramai para sahabat yang menghafaz al-Quran menemui syahid dalam peperangan Yamamah dan peperangan menentang golongan yang engkar mengeluarkan zakat. Abu Bakr r.a. telah mengambil langkah ini (mengumpul al-Quran) kerana menerima pandangan Umar r.a.

dan beliau telah melantik dua orang yang bertanggungjawab mengumpul dan menulis al-Quran iaitu Zaid Ibn Thabit r.a. dan Umar Ibn Khattab r.a. Piawaian yang digunakan ialah setiap potongan ayat yang dikemukakan kepada mereka berdua mestilah didatangi dengan dua saksi iaitu hafazan dan tulisan. Mushaf ini telah tersimpan dengan baik di bawah jagaan Abu Bakr r.a. dan setelah beliau wafat ia dipegang oleh Umar r.a. selaku khalifah yang kedua dan sesudah itu ia dijaga oleh Ummu al-Mukminin Hafsa Binti Umar r.a.

Pengumpulan yang kedua berlaku pada zaman Uthman r.a. setelah berlaku kekhilafan di kalangan orang Islam berhubung bacaan al-Quran. Kekhilafan tersebut amat genting sehingga berlaku tuduh-menuduh dengan menyatakan bahawa bacaan yang selain mereka adalah kufur dan ia berlaku ketika tentera Islam berkumpul untuk membuka Arminiyyah dan Azrabaijan. Kejadian tersebut dipandang serius oleh Uthman r.a. dan dengan pantas melantik satu jawatankuasa untuk menulis al-Quran. Jawatankuasa itu diketuai oleh Zaid ibn Thabit r.a. bersama tiga sahabat yang lain iaitu Abdullah ibn al-Zubair, Said Ibn al-'As dan Abdul Rahman Ibn al-Harith Ibn Hisyam. Selepas al-Quran siap ditulis, Uthman r.a. telah mengutus mushaf ini ke kota-kota Islam iaitu Madinah, Makkah, Kufah, Basrah dan Dimasyq bersama dengan guru untuk memberi tunjuk ajar tentang bacaan mushaf tersebut. (Sya'ban Ismail: 2012)

Langkah seterusnya yang diambil oleh Uthman r.a. untuk menyatukan orang Islam supaya membaca apa yang diusahakannya dengan sepakat para sahabat yang ada ketika itu ialah mengarahkan supaya membakar mushaf selain apa yang diusahakan itu. Lantaran itu mushaf Ibn Mas'ud, Mushaf Ubay Ibn Ka'b, Mushaf 'Aisyah, Mushaf Ali dan juga Mushaf Salim Maula Abi Huzaifah telah terhapus samada dibasuh dengan air atau dibakar. Tindakan membakar mushaf yang dibuat oleh Uthman r.a. ini tidak patut dikeji kerana ia telah mengambil nasihat dan pandangan sahabat r.a. Ali Ibn Abi Talib r.a. pernah berkata "*Wahai manusia! Bertakwalah kamu semua kepada Allah dan beringatlah kamu daripada menentang Uthman. Adapun apa*

*yang kamu kata (Uthman) pembakar mushaf maka demi Allah beliau tidak membakarnya melainkan dihadapan kami semua sahabat Rasulullah SAW".* Dari Umar Ibn Said berkata, berkata Ali Ibn Abi Talib r.a. *"Jika aku pemerintah ketika Uthman r.a. nescaya aku akan membuat berkenaan mushaf ini seperti yang telah dibuat Uthman r.a."* (Al-Zarqani: 1995)

Dunia telah menyaksikan peredaran zaman dan sistem kehidupan manusia telah berubah dari masa ke semasa dengan penemuan teknologi demi teknologi. Mereka telah menggunakan teknologi ini untuk memudahkan urusan harian dan pergerakan mereka menjadi semakin pantas. Contoh teknologi yang mengalami perubahan ialah seperti penulisan. Dahulu penulisan dilakukan pada pelepah tamar, belulang, kepingan tulang dan lain-lain. Namun penemuan teknologi telah menyaksikan proses membentuk kertas dan berkembang dan manusia telah mencipta komputer.

Dalam perkembangan penulisan al-Quran, ulamak telah bersepakat dalam mengharuskan penulisan al-Quran serta memperelokan seni khatnya. Ulamak juga telah menjelaskan bahawa harus meletak titik dan baris pada huruf al-Quran bertujuan mengelak kesilapan dan kesalahan membaca. Walaupun al-Sya'bi dan al-Nakhai' memberi pandangan makruh meletak titik pada huruf-huruf yang *mutasyabihat*, tetapi pandangan itu adalah pada zaman yang dibimbangi berlaku perubahan dalam al-Quran. Al-Imam al-Nawawi telah menghurai permasalahan tersebut dengan menyatakan: *"Dan pada hari ini kebimbangan itu telah tiada, oleh itu tidak ada halangan menanda titik huruf al-Quran atau apa-apa jua perubahan yang terarah kepada kebaikan maka ia sekali-kali tidak ditegah"*. (Al-Nawawi : 1998)

### **Jenis-jenis al-Quran Digital**

Antara jenis al-Quran digital atau rakaman bacaan al-Quran dalam peralatan elektronik ialah E-Hajj. Ia berfungsi memudahkan muslim yang bakal menunaikan ibadah di tanah

suci Mekkah dan sekaligus membantu mereka melaksanakannya dengan sempurna. Meskipun ia bersaiz tapak tangan sahaja namun ia lengkap dengan panduan niat, doa dan zikir. Alat bimbingan beranovatif ini menggunakan suara Abdullah Sirajuddin Ahmad iaitu johan tilawah al-Quran peringkat Negeri Kedah pada tahun 1986. Jenis al-Quran Digital yang kedua ialah yang dibangunkan Yayasan Restu dengan TM Net Sdn Bhd. Ia dikenali dengan Projek Quranic Multimedia Program (QUMP). Antara kandungan yang istimewa dalam program QUMP ini ialah Juz 'Amma Digital. Jenis yang ketiga yang dapat dikesan penulis ialah al-Quran Digital bertajwid al-Muneer. Ia adalah hasil kreatif dan inovasi jurutera warga Syiria, Subhi Taha. Cara penggunaannya ialah memungkinkan pembacaan ayat suci al-Quran dilakukan dengan mendengar dan melihat skrin menggunakan butang alat kawalan jauh.

Jenis yang keempat ialah kitab suci al-Qura versi 8.0 iaitu progr.am perisian komputer yang menggabungkan mushaf al-Quran dan terjemahannya dalam lapan bahasa. Jenis al-Quran Digital yang kelima ialah al-Mukri. Al-Quran audio digital mudah alih ini sesuai untuk mereka yang berhasrat akrab dengan kitab suci walaupun ketika bekerja. Berbentuk empat segi sama dengan saiz 63.5 mm dan hanya seberat 60 gram. Suara qari yang membaca al-Quran dalam Al-Mukri ini ialah imam Masjid Madinah Syeikh Ali Abdul Rahman al-Huzaifi.

Jenama yang keenam ialah al-Muhaffiz yang dikeluarkan oleh syarikat dari Korea Selatan, Imex Corporation. Menggunakan teks dan audio yang berpandukan Mushaf Uthmani. Dengan ukuran panjang 164 mm dan lebar 110 mm serta seberat 320 gram, al-Muhaffiz boleh dibawa kemana-mana termasuk dalam pengembaraan dan perjalanan. Alunan bacaan al-Quran dalam program ini ialah Syeikh Ali Abdul Rahman al-Huzaifi. Dalam tahun 2001 satu program al-Quran digital yang dinamakan al-Murshid telah dibangunkan oleh Frazer-Nash Research Ltd. Perisian ayat-ayat al-Quran dalam komputer telapak atau dikenali juga sebagai alat bantuan digital peribadi (PDA) telah menawarkan bacaan ayat-ayat al-Quran secara

interaktif dengan pelbagai ciri pilihan antaranya pengguna boleh mendengar mana-mana surah, terjemahan ayat dalam bahasa melayu atau bahasa Inggeris.

## Pandangan Fiqh terhadap al-Quran digital

### 1) Hukum memegang al-Quran bentuk digital

Sebelum memperkatakan tentang hukum menyentuh al-Quran digital, dirasakan penelitian perlu dilihat kepada hukum menyentuh mushaf al-Quran itu sendiri. Para Ulama bersepakat bahawa seseorang yang berhadapan besar tidak boleh menyentuh al-Quran. Manakala seseorang yang berhadapan kecil pula, para ulama telah berselisih pendapat mengenainya:-

**Pendapat pertama:** Merupakan pendapat Jumhur ulama termasuk 4 mazhab menyatakan bahawa haram bagi seseorang yang berhadapan kecil menyentuh al-Quran samaada keseluruhan al-Quran atau sebahagiannya (Al-Subayyail:TT). Pendapat ini bersandarkan kepada dalil-dalil dari al-Quran, Sunnah dan Ijma':-

1) AlQur.an  
Firman Allah (SWT):

إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ ﴿٧٧﴾ فِي كِتَابٍ مَّكْنُونٍ ﴿٧٨﴾ لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾ تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾

Yang bermaksud: *Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah Al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara, Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci; Al-Quran itu diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam. (Al-Quran, Al-Waqi'ah: 77-80)*

Di dalam ayat ini Allah (SWT) telah mengkhabarkan bahawa Al-Quran itu tidak boleh disentuh melainkan oleh orang yang suci sebagai penghormatan kepada kesucian al-Quran, perkhabaran ini juga didatangkan dengan uslub *alhasr*, iaitu menghadkan keharusan itu hanya kepada yang suci, maka selain daripada itu adalah haram menyentuh al-Quran. Maksud orang-orang yang suci ialah daripada hadas besar dan hadas kecil serta najis. Oleh itu ayat ini jelas menjadi dalil kepada syarat suci daripada sebarang hadas untuk menyentuh al-Quran.(Al-Zuhaili:1998)

## 2) As Sunnah:

a- Hadis yang diriwayatkan oleh Hakim bin Hizam:-

عن حكيم بن حزام قال: إن النبي صلى الله عليه وسلم لما بعثني والياً إلى اليمن قال: (لا تمس القرآن إلا وأنت طاهر)

Yang bermaksud: *Daripada Hakim bin Hizam berkata: bahawa Rasulullah (SAW) ketika mengutuskan saya ke Yaman sebagai Gabenor, Rasulullah (SAW) bersabda: Jangan kamu sentuh alQuran melainkan kamu dalam keadaan suci.* (Al-Hakim)

## 3) Ijma'

Para Sahabat r.a. telah bersepakat bahawa Al-Quran itu tidak boleh disentuh oleh seseorang yang berhadad, tidak diketahui terdapat sebarang perbezaan mengenai hukum ini di kalangan para sahabat dan ini adalah *Ijma' Sukuti*. Bahkan hukum ini berkekalan pada zaman sahabat dan selepas zaman mereka, ianya dapat dibuktikan melalui kisah pengislaman Umar bin al-Khattab r.a., di mana beliau telah memasuki rumah adik perempuannya yang pada waktu itu sedang membaca al-Quran bersama dengan suaminya. Maka Umar berkata kepada mereka: “Berikan aku kitab yang kamu baca itu untuk aku baca. Lalu adiknya menjawab: Sesungguhnya kamu najis, Al-Quran tidak boleh disentuh melainkan oleh orang yang suci, pergilah mandi ataupun berwudu’. Maka Umar mengambil wudu’ dan selepas itu beliau

mengambil al-Quran lalu membaca surah *Taha*. (Al-Mubarakfuri, : TT)

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah ketika mengulas *athar* ini menyebut: “Memang tidak diperselisihkan di kalangan sahabat dan tabi’iin mengenai hukum ini, dan ini menunjukkan bahawa perkara tersebut amat diketahui di kalangan mereka.” (Ibn Taimiyah: 1993)

**Pendapat Kedua:** Harus bagi seseorang yang berhadas kecil menyentuh al-Quran, pendapat ini dipelopori oleh ibn Abbas, al Sya’bi, al Dhahhak dan Daud al Zohiri. Pendapat ini menjadi pegangan Mazhab al-Zohiriyyah. (Al-Subayyil: TT)

Dalil-dalil yang dipegang oleh mereka adalah seperti berikut:

1) Hadis R.asulullah (SAW):-

إن رسول الله صلى الله عليه وسلم بعث دحية الكلبي إلى هرقل عظيم الروم بكتاب يدعوه فيه للإسلام، وفيه قول الله تعالى: ﴿قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ﴾

Yang bermaksud: *R.asulullah (SAW)* mengutuskan Dihyah al Kalbi kepada Hiraql pemerintah Rum dengan surat yang menyeru pemimpin itu kepada Islam, dan di dalam surat itu terdapat firman yang bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan

*orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam". (al-Bukhari & Muslim)*

Ibn Hazm menyebut: "Rasulullah telah menghantar surat kepada golongan Kristian yang tertulis ayat al-Quran, dan semestinya mereka menyentuh surat tersebut. Oleh itu, harus bagi orang kafir menyentuh al-Quran, maka keharusan untuk orang muslim yang berhadad adalah lebih utama. (Ibn Hazm: TT)

2) Qias menyentuh al-Quran dengan membaca bagi yang berhadad kecil, maka keharusan menyentuh adalah lebih utama. (Ibn Rusyd: 1995)

**Tarjih:** Setelah meneliti kedua-dua pendapat tadi dan dalil-dalil yang digunakan. Jelaslah bahawa pendapat jumbuh adalah yang paling tepat atau *rajih*, iaitu haram bagi sesiapa yang berhadad kecil menyentuh dan memegang al-Quran. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan alasan-alasan berikut:-

- 1) Kekuatan dalil-dalil yang digunakan oleh pendapat pertama.
- 2) Pendapat pertama diambil daripada dalil-dalil asal, ulama *usul fiqh* menyatakan bahawa dalil asal adalah lebih kuat daripada dalil *bara'ah al zimmah*.
- 3) Pendapat pertama lebih selamat untuk ibadah.
- 4) Pendapat pertama adalah sesuai dengan kemuliaan al-Quran dan kesuciaannya.
- 5) Pendapat pertama juga merupakan pendapat yang dipelopori oleh para sahabat pada zaman nabi dan zaman-zaman selepasnya. Dan mereka ini lebih memahami hukum berkaitan al-Quran.

Manakala dalam konteks al-Quran digital, adakah al-Quran digital boleh dianggap sama seperti al-Quran dalam bentuk kitab?

Al-Quran digital merupakan ayat-ayat al-Quran yang telah disimpan dalam bentuk cip ke dalam computer atau peralatan lain seperti PDA, telefon tangan atau alat khusus untuk kegunaan al-Quran digital semata-mata. Ayat-ayat al-Quran dalam bentuk digital ini akan hanya tertera pada skrin apabila ia dimainkan, begitu juga dengan bacaan. Persoalannya adakah aplikasi hukum ayat-ayat al-Quran digital sama dengan mushaf al-Quran?

Hukumnya harus menyentuh skrin yang terpapar ayat-ayat al-Quran bagi yang berhadad bersandarkan kepada alasan-alasan di bawah:-

- 1) Apa yang terpapar bukan dalam bentuk tulisan zahir yang disepakati oleh ulama sebagai al-Quran yang haram disentuh oleh orang yang berhadad. Di samping itu skrin yang disentuh boleh dianggap sebagai lapisan yang menghalang di antara al-Quran dan anggota yang menyentuh. Dan itu dianggap bukan menyentuh al-Quran secara langsung. Imam Nawawi menyebut: Harus membelek-belek al-Quran dengan kayu dan seumpamanya kerana ianya bukan menyentuh secara langsung. Pendapat ini ditarjihkan oleh imam Nawawi di dalam kitabnya Raudhah al Talibin. (Al-Nawawi:1985)
- 2) Ayat-ayat yang tertera di skrin boleh dianggap sebagai sebahagian daripada al-Quran yang wujud bersama-sama dengan program-program atau benda-benda lain dalam satu alat (PDA atau seumpamanya). Ini boleh diqiaskan dengan apa yang disebut oleh para ulama, iaitu harus menyentuh al-Quran yang tertulis bersama-sama dalam buku-buku, seperti buku-buku tafsir, hadis, aqidah dan sebagainya (jika nas al-Quran sedikit daripada

tafsir.annya) (Al-Syarbini: TT). Sebagaimana harus membawa mushaf al-Quran bersama benda lain dalam satu bekas. (Al-Nawawi: 1995)

Manakala hukum membawa per.alatan yang mengandung program al-Quran digital bagi yang berhadad juga harus, bersandarkan kepada alasan-alasan berikut:-

- 1) Ia wujud dalam sesuatu per.alatan bukan dalam bentuk tulisan tetapi dalam bentuk progr.am yang disimpan dalam bentuk cakera atau kad. Oleh itu kewujudannya tidak seperti al-Quran yang bertulis dalam bentuk kitab. Sedangkan para ulamak bersepakat bahawa harus membawa al-Quran bertulis yang disimpan dalam sesuatu bekas. (Solih al-Munjid: 2000)
- 2) Boleh diqiaskan dengan seseorang yang menghafaz alquran, di mana memori alquran digital seperti otak manusia. Memori al-Quran yang tersimpan di dalam para hafiz boleh dibawa walaupun ia berada dalam keadaan hadas besar.
- 3) Fatwa *allajnah al daimah lilbuhuth al 'ilmiyyah wa al ifta'* di Arab Saudi, menyebut bahawa diharuskan kepada orang yang berjunub memegang, menyentuh atau membawa pita kaset al-Quran, jadi al-Quran digital juga boleh diqiaskan dengan pita kaset al-Quran. (No. Fatwa: 9620)

### **Membawa ke tempat kotor (tandas)**

Seperti yang telah dijelaskan antara hikmah di sebalik pengharaman menyentuh al-Quran oleh yang berhadad adalah untuk menjaga kehormatan dan kesucian al-Quran itu sendiri, dan jumhur ulamak bersepakat mengenai hukum tersebut bersandarkan kepada firman Allah (SWT) surah al-Waqi'ah ayat 79:

لَا يَمْسُهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

Hukum ini sebenarnya boleh digunakan juga untuk masalah berkaitan dengan membawa kitab al-Quran ke tempat-tempat kotor seperti tandas dan tempat yang mempunyai najis dan sebagainya. Justeru qias kepada pengharaman ke atas orang yang berhadap kecil dan besar menyentuh dan membawa al-Quran, maka hukum membawa al-Quran ke tempat sebegini juga adalah haram. Ini kerana untuk menjaga kesucian dan kehormatan al-Quran. Oleh itu, pengharaman membawa al-Quran ke tempat kotor dan najis adalah terlebih utama, dalam istilah *usul fiqh* ia dipanggil *qias al aula*. Akan tetapi dalam keadaan tertentu seperti darurat. Contohnya seseorang yang membawa al-Quran di dalam begnya boleh membawa masuk ke dalam tandas sekiranya bimbang jika beg itu ditinggalkan ianya akan dicuri.

Manakala dalam konteks al-Quran digital, ianya tidak boleh disamakan dengan kitab al-Quran kerana al-Quran digital zahirnya bukan al-Quran, ianya bersembunyi di dalam satu peralatan yang mana jika dilihat dan dibuka peralatan tersebut kita tidak akan menemui ayat-ayat al-Quran yang tertulis seperti kitab al-Quran. Jadi kewujudan al-Quran digital adalah tersembunyi. Oleh itu, harus hukumnya membawa peralatan yang mengandungi program al-Quran digital kedalam tandas dan seumpamanya. Ianya dikuatkan lagi dengan fatwa yang dikeluarkan oleh *al Syeikh Muhammad Soleh alMunjid* dari Arab Saudi yang menyatakan tidak haram membawa telefon bimbit yang mengandungi program al-Quran di dalamnya, kerana al-Quran tersebut adalah tersembunyi dan bukan ditulis secara zahir oleh itu hukumnya bukan seperti hukum mushaf al-Quran. (Solih al-Munjid:2000)

### **Hukum memberi al-Quran digital kepada orang kafir**

Ulamak bersepakat bahawa mushaf al-Quran tidak boleh disentuh atau dipegang oleh orang kafir, seperti yang disebutkan sebelum

ini bahawa orang kafir itu tidak suci dari hadas kecil dan besar. Oleh itu, haram hukumnya memberikan mushaf al-Quran kepada orang kafir sebagaimana firman Allah:-

لَا يَمْسُهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ

*Ma'fhum mukhalafah* daripada ayat ini menunjukkan bahawa orang yang boleh menyentuh al-Quran hanyalah orang yang suci sahaja iaitu daripada hadas kecil dan besar. Manakala hukum memberikan al-Quran yang ditulis bersama dengan terjemahan adalah haram kerana orang kafir boleh melakukan apa sahaja terhadap nas al-Quran itu. Maka terlebih baik jika ingin berdakwah kepada orang bukan Islam dan ingin menunjukkan al-Quran kepada mereka ialah dengan menunjukkan sahaja al-Quran tanpa memberikannya sebagai hadiah. (al-Uthaimin:1997-2000)

Walaubagaimanapun diharuskan memberikan terjemahan al-Quran yang tidak tertulis nas al-Quran padanya kepada orang kafir sebagai hadiah ini kerana terjemahan al-Quran bukan al-Quran yang sebenarnya, dan ia tidak boleh menggantikan tempat mushaf al-Quran dari pelbagai sudut. Oleh sebab itu diharuskan untuk orang bukan Islam memegang terjemahan al-Quran tanpa nas al-Quran dalam pelbagai bahasa serta diharuskan juga menyentuh atau memegang tafsiran al-Quran dalam bahasa arab. (al-Munjid: 1997-200).

Manakala hukum memberi al-Quran digital kepada orang kafir boleh disamakan dengan memberi terjemahan atau tafsiran al-Quran kepada mereka kerana al-Quran digital seperti yang disebutkan sebelum ini ianya bersifat tersembunyi dan tidak tertulis secara hakiki. Oleh itu, tidak timbul aplikasi hukum menyentuh atau memegang al-Quran, dengan syarat orang bukan Islam tersebut berminat untuk mendalami dan mengetahui lebih lanjut berkaitan al-Quran bukannya mempunyai niat-niat buruk atau perancangan tertentu terhadap al-Quran. Selain itu, mereka juga hendaklah memuliakan kesucian dan kehormatan al-Quran dengan tidak mencetak atau memperdengarkannya untuk tujuan menghina. Persoalan juga timbul mengenai hukum mendengar bacaan al-Quran oleh orang bukan Islam, masalah ini sebenarnya

telah difatwakan oleh seorang *al-Syeikh ibnu Jibrin* yang menyatakan bahawa harus bagi orang bukan Islam mendengar bacaan al-Quran dari radio atau pita rakaman sebagaimana harus bagi mereka membaca terjemahan makna al-Quran yang terdapat dalam pelbagai bahasa. (Ibnu Jibrin:1997-2000) [www.Islam-qa.com](http://www.Islam-qa.com))

### Hukum menjual Al Quran digital

Hukum menjual al-Quran sebenarnya terbahagi kepada dua:-

- 1) Menjual kepada orang Islam.
- 2) Menjual kepada orang bukan Islam.

Hukum menjual kepada orang Islam adalah harus kerana ia merupakan satu usaha untuk menyebarkan kebaikan dan tolong-menolong, juga jalan bagi memudahkan untuk mendapatkan al-Quran. Selain itu, ia juga dapat membantu mereka yang ingin menghafaz al-Quran atau membacanya. (Fatawa al-Lajnah al Daimah. No: 13/47: 1997-2000) Sebagaimana firman Allah (SWT):

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Yang bermaksud: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).* (Al-Quran: Al-Maidah, 2)

Manakala hukum menjual mushaf al-Quran kepada orang bukan Islam adalah haram kerana mereka tidak suci daripada hadas. Ini berdasarkan kepada firman Allah (SWT):-

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا الْمُشْرِكُوْنَ نَجَسٌ

Yang bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya orang-orang kafir musyrik itu najis.* (Al-Quran: Al-Taubah, 28)

Dalam konteks al-Quran digital pula, ianya harus dijual kepada orang Islam manakala kepada orang bukan Islam adalah seperti yang telah diterangkan dalam hukum memberi hadiah kepada orang bukan Islam berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah disebut sebelum ini.

## Penutup

Penggunaan al-Quran digital di era mutakhir ini terus mendapat perhatian dan sambutan di kalangan orang-orang Islam dalam semua peringkat samada pelajar mahupun golongan dewasa. Kelahiran al-Quran digital dan peggunaanya sebenarnya menunjukkan bahawa cerdik pandai Islam menerima arus teknologi semasa dan mereka sebenarnya bukan leka dan tidak membiarkan barat terus menopoli teknologi secara bersendirian. Justeru penciptaan teknologi yang terarah kepada memudahkan dalam pengendalian ibadat perlu sokongan yang padu dari semua penganut agama Islam.

Antara jenis al-Quran digital atau rakaman bacaan al-Quran dalam peralatan elektronik ialah E-Hajj. Jenis al-Quran Digital yang kedua ialah yang dibangunkan Yayasan Restu dengan TM Net Sdn Bhd. Ia dikenali dengan Projek Quranic Multimedia Program (QUMP). Jenis yang ketiga ialah al-Quran Digital bertajwid al-Muneer. Ia adalah hasil kreatif dan inovasi jurutera warga Syria, Subhi Taha. Cara peggunaannya ialah memungkinkan pembacaan ayat suci al-Quran dilakukan dengan mendengar dan melihat skrin menggunakan butang alat kawalan jauh. Jenis yang keempat ialah kitab suci al-Quran versi 8.0 iaitu program perisian komputer yang menggabungkan mushaf al-Quran dan terjemahannya dalam lapan bahasa. Jenis al-Quran

Digital yang kelima ialah al-Mukri. Berbentuk empat segi sama dengan saiz 63.5 mm dan hanya seberat 60 gram. Jenama yang keenam ialah al-Muhaffiz yang yang dikeluarkan syarikat dari Korea Selatan, Imex Corporation. Menggunakan teks dan audio yang berpandukan Mushaf Uthmani. Dengan ukuran panjang 164 mm dan lebar 110 mm serta seberat 320 gram, al-Muhaffiz boleh dibawa kemana-mana termasuk dalam pengembaraan dan perjalanan. Program al-Quran digital seterusnya ialah yang dinamakan al-Murshid telah dibangunkan oleh Frazer-Nash Research Ltd. Perisian ayat-ayat al-Quran dalam komputer telapak atau dikenali juga sebagai alat bantuan digital peribadi (PDA) telah menawarkan bacaan ayat-ayat al-Quran secara interaktif.

Dalam pengamatan penulis berhubung hukum fiqh tentang al-Quran digital ini ia sama sekali tidak terdapat dalam kitab-kitab fiqh yang berbentuk turath seperti al-Umm dan seumpamanya. Memandangkan al-Quran digital ini perkara baru dan hanya wujud pada era mutakhir ini, maka sudah tentu ulamak mutakhir sahajalah yang membincang dan menghurai hukum yang timbul dalam permasalahan al-Quran digital ini. Meskipun begitu hujah dan dalil dalam menentukan hukum masih lagi berpegang dengan al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan al-Qiyas. Kesimpulan terhadap hukum al-Quran digital yang dikemukakan ulamak ialah ia bukan tertulis seperti nas dalam mushaf tetapi terselindung dibalik skrin. Justeru ia boleh dibawa ke dalam tandas atau dipegang dalam keadaan berhadas. Walau apapun pandangan yang kemukakan kehormatan dan kesucian al-Quran hendaklah diutamakan oleh setiap orang Islam. Sekian.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah. 1987. *Sohih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-DarQutniy, Ali bin Umar Abu Al-Hasan al-Baghdadiy. 1966. *Sunan al-Dar Qutniy*. Beirut: Dar al Ma'rifah.
- Al-Hakim, Muhammad bin Abdullah. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sohihain*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubarakfuri, Muhammad Abdul Rahman bin Abdul Rahim. TT. *Tuhfah al-Ahwaziy*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mubarakfuri, Safiyyu al-Rahman. 1988. *al-Rahiq al-Makhtum*. al-Qaherah: Dar al-Rayyan al-Turath. cet 6
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Syaraf. 1985. *Raudhah al-Tolibin*. Beirut: al-Maktab al-Islamiy.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Syaraf. 1995. *al-Majmu'*. Beirut: Dar ihya' al-tur.ath al-'Ar.abi.
- Al-Qattan, Mana' al-Qattan. 2007. *Mabahith fi Ulum al-Quran*. al-Qaher.ah: Maktabah Wahbah. cet 14.
- Al-Syarbiniy, Syams al-Din Muhammad bin al-Khatib. 1995. *Mughniy al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zarqani. 1997. Manahil al-Irfan. *Al-Kobar*: Dar Ibn 'Iffan.
- Al-Zuhailiy, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.

- Ibn Hazm, Muhammad bin ‘Ali. TT. *Al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Aafaq al-Jadidah.
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. 1995. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Al-Qahir.ah: Dar al-salam.
- Ismail, Muhammad Sya’ban. 2000. *Rasm al-Mushaf wa Dobtuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muslim, ibn al-Hajaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Naisaburi. TT. *Sohih muslim*. Beirut: Dar Ihya’ al-Tur.ath al-Ar.abiy.

Website:

- Al-Lajnah al-Daimah lil Buhuth al-‘ilmiyyah wa al-ifta’. 1997-2000. [www.Islam-qa.com](http://www.Islam-qa.com).
- Al-Munjid, Muhammad Solih. 1997-2000. *Al-Dukhul bi al-Jawwalaat allati fiha al-Quran ila al-Khala’*. [www.Islam-qa.com](http://www.Islam-qa.com).
- Al-Munjid, Muhammad Solih. 1997-2000. *Ihda’ al-Kuffar tarjamah ma’ani al-Quran*. [www.Islam-qa.com](http://www.Islam-qa.com).
- Al-Munjid, Muhammad Solih Haml. 1997-2000. *al-mushaf ‘inda dukhul al-hammam*. [www.Islam-qa.com](http://www.Islam-qa.com).
- Ibn Jibrin. 1997-2000. *Al-Kafir wa mas al-Quran*. [www.Islam-qa.com](http://www.Islam-qa.com).
- Al-‘Uthaimin, Muhammad solih. 1997-2000. *Hukm I’to’ al-kafir al-Mushaf wa bihaamisyihi al-Tarjamah*. [www.Islam-qa.com](http://www.Islam-qa.com).
- Al-‘Uthaimin, Muhammad solih. 1997-2000. *Qir.a’at al-Quran fi al-Hammam*. [www.Islam-qa.com](http://www.Islam-qa.com).